

29/10/2002

Ummi Hafilda beri keterangan pada Lembaga Disiplin Umno

KUALA LUMPUR, Isnin - Ummi Hafilda Ali hari ini dihadapkan ke Lembaga Disiplin Umno bagi memberi keterangan atas tuduhan memfitnah, mencela dan mengeji Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Ummi Hafilda memberi keterangan selama setengah jam bermula jam 11 pagi di hadapan pengerusi lembaga berkenaan, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail serta dua anggotanya, Datuk Alias Ali dan Datuk Seri Khalid Ahmad Sulaiman.

Bekas exco Puteri Umno, Elly @ Zalilah Yusof, juga dipanggil memberi keterangan sebagai saksi. Bagaimanapun, Lembaga Disiplin tidak mengumumkan keputusan kes berkenaan.

Ummi Hafilda, 35, didakwa melanggar peruntukan perkara 4.1 Tata Etika Ahli Umno yang boleh dihukum mengikut Fasal 20.9 Perlembagaan Umno. Aduan terhadapnya dibuat ahli Puteri Umno Bahagian Gombak, Siti Nubaila Mohd Ishak.

Ketika ditemui selepas itu, Ummi Hafilda mengaku pernah mengeluarkan kenyataan mencela Azalina dan sanggup menanggung apa juga risiko termasuk dilucut keahlian sebagai ahli Umno.

Beliau juga menyatakan kesediaannya menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemukakan bukti terhadap tuduhan yang dibuatnya terhadap Azalina.

"Saya kini sedang mengumpul bukti dan saksi. Sebaik semuanya selesai, saya akan mengatur satu temu janji dengan Perdana Menteri dan akan mengemukakan sendiri segala bukti berhubung tuduhan saya terhadap Azalina," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata Umno menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk melakukan siasatan dan mengambil sebarang tindakan berhubung aduan salah guna kuasa serta pecah amanah yang dibuat terhadap Azalina.